

BAB 2

TINJAUAN PERSURATAN

2.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan tinjauan persuratan yang berkaitan dengan bidang dan skop kajian, iaitu meliputi sejarah awal kewartawanan dunia, kajian-kajian lalu tentang retorik kewartawanan dan kajian-kajian terdahulu tentang penulisan kewartawanan Melayu.

2.2 Sejarah Awal Kewartawanan di Dunia

Sejarah kewartawanan merupakan kisah perjuangan panjang kemanusiaan untuk berkomunikasi untuk menemukan dan mentafsirkan berita serta mengemukakan pendapat dan menggalakkan pemikiran (Emery et al., 1996:v). Kewujudan kewartawanan moden ialah suatu tahap dalam evolusi komunikasi yang dianggarkan telah bermula paling kurang 10,000 tahun yang lalu. Perkembangan yang bermula di Timur Tengah dan di Asia telah tersebar ke Eropah dan akhirnya ke Amerika. Perkembangan tersebut didorong oleh keperluan menceatat rekod perniagaan, peluasan wilayah, perkembangan idea-idea keagamaan atau untuk keperluan catatan kesenian (Emery et al., 1996:1).

Percubaan sistematik yang pertama untuk mengumpulkan dan menyebarkan maklumat ialah warta harian tulisan tangan di Forum Roman antara 59 sebelum Masihi dan 222 Masihi yang diberi nama *Acta Diurna*. Laporan tersebut memaparkan peristiwa-peristiwa popular. Warta ini disalin dan diedarkan di seluruh Empayar Roman. Pada sekitar tahun 3500 sebelum Masihi, bangsa Sumeria di Timur Tengah menemukan sistem memulihara rekod dengan melakarkan tanda dan lambang pada

kepingan-kepingan tanah liat yang kemudian dikeringkan di bawah sinaran matahari. Bangsa Sumeria juga menciptakan sistem tulisan *cuneiform* dengan menggunakan tulang untuk melakarkan tanda-tanda pada tanah liat. Ukiran pada batu dan kayu sebagai suatu bentuk perekodan maklumat meluas di Mediterranean Timur pada sekitar 1500 sebelum Masihi, iaitu kira-kira pada waktu yang sama dengan orang Phonecian berjaya memperkenalkan lambang-lambang bunyi dan menciptakan abjad. Pada sekitar 500 tahun sebelum Masihi, orang Mesir menggunakan sejenis rumput buluh yang ditemukan di sepanjang Sungai Nil untuk membuat papyrus yang ternyata lebih ringan daripada kepingan tanah liat dan batu serta membolehkan pencatatan maklumat yang lebih banyak.

Satu lagi bentuk tempat menulis daripada kulit binatang yang dikenal sebagai *rellum* telah digunakan pada sekitar tahun 100 Masihi di Empayar Greek dan Roman untuk meneatat manuskrip atau *skrol* yang khas. Lebih kurang pada waktu yang sama, bangsa Cina menciptakan kertas daripada palpa dan serat kayu. Percetakan blok kayu telah diperkenalkan ke Eropah apabila Marco Polo pulang dari China pada tahun 1295. Selanjutnya, percetakan berkembang pesat di Eropah pada abad ke-14 dan 15 dan perkembangan ini memungkinkan meluasnya pencetakan akhbar. Antara beberapa banyak bentuk produk percetakan, akhbar merupakan produk percetakan yang paling berkesan dalam konteks menjadi mangkin utama yang mempengaruhi perubahan sosial dan politik (Elizabeth Eisenstein, 1980).

Pemuliharaan sejarah menjadi matlamat penulis, termasuk penulis kewartawanan dari zaman awal lagi. Di negara China, misalnya, seawal tahun 750 sebelum Masihi, Istana Diraja China telah menerbitkan laporan dua kali setahun tentang keadaan rakyat, sebagai tambahan pada buletin dan takwim bulanannya. Pada

tahun 1360, buletin yang dikenal sebagai *Tching-pao* telah dicetak secara mingguan dan mulai tahun 1830 dicetak sebagai terbitan harian. Dengan nama barunya sebagai *Peking Gazette*, buletin itu terus diterbitkan sehingga jatuhnya empayar tersebut pada tahun 1911.

Seorang sejarahwan kewartawanan yang bernama Robert W. Desmond (1978, Jilid 1:14) dalam pendahuluan buku sejarahnya sebanyak empat jilid tentang kewartawanan sedunia menekankan bahawa wartawan menulis sesuatu tentang zaman dan manusianya dan mereka mengumpulkan serta merakamkan maklumat bagi zamannya. Himpunan rakaman maklumat daripada penulisan kewartawanan dari zaman ke zaman itu memberikan sumbangan besar kepada pemuliharaan sejarah.

Laporan tertua tentang peristiwa semasa ialah laporan tentang ribut dan gempa bumi di Guatemala pada tahun 1541. Risalah lapan halaman yang ditulis oleh Juan Rodriguez itu dicetak di bandar raya Mexico oleh Juan Pablos, wakil Syarikat Percetakan Seville dengan tajuk yang herbunyi : "Laporan Gempa Bumi yang Dahsyat yang Terjadi Semula di Indies di Sebuah Bandar Raya yang Bernama Guatemala".

Di Lima, iaitu pusat kedua percetakan di Amerika, diterbitkan lembaran-lembaran berita yang primitif sifatnya yang disebut *hojas volantes* (kertas edaran), dicetak pada lewat abad ke-16. Lembaran *hojas* itu bertahan sehingga ke abad 18. Terbitan berkala pertama yang dapat dikesan oleh pengkaji sejarah kewartawanan ialah *Gaceta de Mexico* (1722) yang terbit di Mexico dan memaparkan berita setempat dan berita luar dari California, Manila, Havana, Guatemala, Acapulco dan bandar-bandar lain. Terbitan berkala yang kedua ialah di Guatemala pada tahun 1729, iaitu *Gazeta de Guatemala* dan yang ketiga pula di Lima pada tahun 1744, iaitu *Gaceta de Lima*.

Di Eropah pula bentuk akhbar awal yang diterbitkan secara berkala bermula di Jerman pada tahun 1609. Tiga terbitan awal itu ialah *Ariso*, *Relation* dan *Avisa Relation Order Zeitung* (Desmond, 1978:32). Antara tahun 1610 dan 1661 lembaran-lembaran berita diterbitkan di Switzerland, England, Sepanyol, Austria, Belgium, Holand, Sweden, Itali, Poland dan di beberapa tempat yang lain. Akhbar mahkamah yang bermula di Stockholm pada tahun 1645 masih terbit sehingga hari ini dan merupakan akhbar tertua yang diterbitkan secara berterusan (Folke Dahl, 1960). Akhbar Jerman *Frankfurter Oberpostamtzeitung* yang kemudian berubah namanya menjadi *Postzeitung* yang terbit pada tahun 1616 menjadi akhbar harian yang pertama di dunia.

Di England perkembangan akhbar dikesan bermula pada tahun 1621, iaitu kira-kira dua abad selepas William Caxton membuka percetakan yang pertama di England pada tahun 1476. Lembaran berita yang merupakan prototaip akhbar moden itu dikenal sebagai *corantos*. Sehingga tahun 1624, *corantos* yang diterbitkan tidak diberi nama. *Corantos* terawal yang mempunyai nama ialah *The Continuation of Our Weekly Newes* yang diterbitkan sebanyak 23 keluaran.

Kemajuan kewartawanan di England dipercepat oleh perkembangan sistem parti dalam kerajaan. Parti-parti politik muncul pada masa akhbar mula menjadi satu kuasa dalam hal ehwal politik dan sosial. Akhbar harian yang pertama ialah *The Daily Courant* yang mula terbit pada 11 Mac 1702 dengan Samuel Buckley sebagai penanggungjawabnya. Dia menekankan perihal pentingnya suatu piawai kewartawanan yang sebelum itu hampir tidak pernah diketengahkan. Antara penekanannya termasuklah laporan berita yang berdasarkan fakta lebih daripada pendapat, walaupun ia seorang ahli parti. Ia tidak menggunakan berita untuk kepentingan politik.

Dalam zaman penjajahan Inggeris di Amerika, New England merupakan tempat kelahiran akhbar tetapi hanya pada tahun 1704 atau 84 tahun sesudah terasasnya koloni pertama, barulah wujud surat khabar yang memenuhi ciri-ciri akhbar yang sebenarnya. Koloni Teluk Massachusetts menjadi pusat kewartawanan Amerika kerana di situ lah berhimpunnya anggota masyarakat yang makmur, berpendidikan tinggi, dan sebahagiannya merupakan sarjana. Pihak berkuasa di koloni tersebut mengasaskan percetakan pertama pada tahun 1638. Perkembangan perdagangan di New England menjadi faktor penting pengasasan akhbar pertama di situ untuk memenuhi maklumat perdagangan dan iklan sebagai saluran komunikasi pedagang dengan pengguna (Michael Emery, Edwin Emery dan Nancy L. Roberts, 1996:20).

Pada tahun 1690 telah terbit sebuah akhbar empat halaman yang bernama *Public Occurrences* yang dianggap oleh sesetengah sarjana sebagai akhbar Amerika yang pertama. Pada tahun 1704 terbit *Boston Newsletter* yang merupakan akhbar berterusan yang pertama di Amerika. Selanjutnya pada tahun 1719 terbit *Boston Gazette*. Pada tahun 1741 akhbar itu bergabung dengan *New England Weekly Journal*. Sebelum itu, pada tahun 1721 telah terbit *New England Courant*.

Bandar raya yang kedua terbesar di koloni Inggeris pada masa itu ialah Philadelphia. Pada tahun 1719 terbit akhbar pertama di Philadelphia dengan judul *American Weekly Mercury*. Sesudah tahun 1725, akhbar telah terbit di keseluruhan koloni. Di Boston terbit *New England Weekly Journal* pada tahun 1727. Satu lagi akhbar yang penting di Boston ialah *Weekly Rehearsal* yang diasaskan pada tahun 1731. Beberapa tahun kemudian akhbar itu ditukar namanya menjadi *Evening Post* yang menjadi akhbar terbaik dan paling popular di Boston. Maryland merupakan koloni keempat yang memiliki akhbar. Akhbar *Maryland Gazette* diterbitkan pada tahun

1727. Pada tahun 1736 pula terbit *Virginia Gazette*, iaitu akhbar pertama di Virginia. Dapat disimpulkan bahawa pada pertengahan abad ke-18 akhbar telah mendapat tempat sebagai estet keempat. Pada tahun 1750, kebanyakan penduduk Amerika yang celiak huruf dapat memperoleh maklumat daripada pelbagai jurnal atau akhbar.

Perkembangan akhbar di Amerika pada abad ke-18 itu berkaitan secara langsung dengan arus politik, perperangan, dan perbalahan pengajur parti-parti politik tertentu (John C. Merrill, 1997:458). Semasa perang, sesetengah editor yang berani dan berpengaruh seperti Samuel Adam dan Thomas Paine mengemukakan pendapat dalam ruangan berita mereka untuk meniupkan semangat revolusi. Selanjutnya pada abad ke-19 kewartawanan di Amerika berkembang dengan lebih pesat selaras dengan perkembangan negara. Pembukaan kawasan-kawasan baru secara langsung mewujudkan pertubuhan akhbar baru. Dalam era ini, telah muncul institusi berita yang pertama, iaitu *Associated Press*. Sementara itu, perkembangan dalam abad ke-20 memperlihatkan persaingan dan perubahan dalam bidang kewartawanan. Telah wujud kewartawanan dalam bidang majalah seperti *Time*, *Reader's Digest* dan yang lain-lain. Selain itu, kemunculan sistem radio yang pertama di Pittsburgh, pada tahun 1920 dan selanjutnya beberapa rangkaian utama yang wujud sesudah itu turut mewarnai perkembangan kewartawanan di Amerika. Pada waktu yang sama perkembangan stesen televisyen menambah persaingan yang lebih hebat dalam dunia kewartawanan.

2.3 Kajian yang Berkaitan

2.3.1 Kajian tentang Retorik Kewartawanan

Walaupun kajian linguistik dalam pelbagai ranah telah mempunyai tradisi yang lama di Barat, iaitu sejak kira-kira abad ke-5 sebelum Masihi, namun tinjauan persuratan yang dilakukan menunjukkan bahawa kajian khusus tentang retorik kewartawanan

belum begitu lama berakar. Menurut Bell dan Garrett (2000:5), kajian tentang bahasa dan wacana media tidak begitu padu dan berfokus sebelum tahun 1980-an. Analisis wacana media yang bersifat kajian rintis memang telah dimulakan pada penghujung tahun 1970-an oleh Fowler dan kawan-kawan (1979), Kress dan Hodge (1979) tetapi pada penilaian Bell dan Garrett masih jauh daripada memuaskan kerana masih bersifat kajian struktural, iaitu berasaskan kerangka analisis yang dikenal sebagai *Critical Linguistics*. Kecenderungan baharu yang dikenal sebagai *Critical Discourse Analysis (CDA)*, iaitu sebagai kesan langsung perkembangan ilmu linguistik yang berasaskan analisis wacana dianggap mereka sebagai titik tolak kajian bahasa dan wacana media yang padu dan berfokus.

Kerangka analisis CDA telah menjadi kerangka baku bagi analisis bahasa media dalam dekad 1980-an dan 1990-an oleh sarjana-sarjana yang meneliti bidang tersebut di Eropah. Kerangka atau pendekatan ini dianggap yang paling ampuh untuk menangani isu sosiopolitik yang memang menjadi antara fokus media sangat. Yang tidak kurang pentingnya ialah bahawa pendekatan itu dapat mewakili pelbagai pendekatan lain kerana tidak terikat oleh hanya satu aliran pemikiran (Bell dan Garrett, 2000:6). Antara penyumbang utama pendekatan atau kerangka analisis bahasa media CDA termasuklah van Dijk, Allan Bell, Stuart Allan, Norman Fairclough, David Greatbatch, Theo van Leeuwen dan Gunther Kress, Kay Richardson dan Paddy Scannell. Tokoh yang menggunakan akhbar sebagai korpus analisis ialah van Dijk, Allan Bell, Norman Fairclough, van Leeuwen dan Gunther Kress.

Teun van Dijk memang dikenal dalam kalangan sarjana linguistik sebagai ahli teori dan pendukung analisis wacana, iaitu pendekatan linguistik yang bersifat antaradisiplin untuk menganalisis teks dalam konteks sosial. Kerangka analisis van

Dijk bertujuan mengintegrasikan penghasilan dan tafsiran wacana dan sekali gus analisis textualnya. Ia telah mula menerapkan kerangkanya itu dalam kajian tentang teks media pada tahun 1980-an. Dua kajiannya yang dianggap peneroka bidang bahasa media berasaskan CDA dan hingga kini diiktiraf bersifat tuntas ialah *News as Discourse* (1988) dan *News Analysis* (1988). Persoalan asas yang melandasi kajian van Dijk ialah bagaimanakah struktur sosial berkaitan dengan struktur wacana. Ia merumuskan bahawa hubungan kedua-dua struktur itu tidak dapat dilihat secara langsung, sebaliknya melalui pelaku sosial dan pemikiran mereka. Untuk menjelaskan hubungan itu, ia mengemukakan tiga komponen utama teorinya, iaitu fungsi sosial, struktur kognitif dan pengungkapan serta pengembangan idea. Ketiga-tiga komponen itu dapat dianggap meliputi kedua-dua aras analisis, iaitu mikrolinguistik (daripada item leksikal dan struktur ketatabahasaan) dan makrolinguistik (topik atau tema yang diungkapkan dalam keseluruhan teks).

Tokoh selanjutnya, iaitu Allan Bell yang memulakan kajian bahasa media sejak tahun 1970-an pada aras mikrolinguistik beralih kepada kajian pada aras makrolinguistik, iaitu wacana media dan mengembangkan kerangka analisis yang terkandung dalam bukunya *The Language of News Media* (1991). Tiga tema dalam bukunya itu meliputi proses yang melahirkan bahasa media, gagasan tentang berita dan peranan khalayak media. Analisisnya tentang berita mengaitkan struktur permukaan teks berita dengan sumber dan masukan berita. Ia menekankan pentingnya melihat proses bagaimana sumber dan masukan menghasilkan berita. Fokus utamanya ialah struktur wacana berita yang berbeza daripada wacana naratif.

Norman Fairclough dalam bukunya (1982 dan 1992) berfokus pada peranan bahasa dan wacana dalam kuasa sosiopolitik dan proses perubahan sosial dengan

mengambil teks media sebagai contoh. Dalam bukunya yang lebih kemudian (1995), tumpuan kajiannya ialah teks media dan konteks, dengan menggunakan kerangka analisis Halliday yang berdasarkan pendekatan fungsional di samping turut memanfaatkan teori sosial yang dikemukakan oleh sarjana Perancis bernama Foucault. Sebagaimana kerangka analisis van Dijk, kerangka analisis Fairclough berasaskan tiga komponen. Dimensi pertama ialah analisis teks atau wacana yang merangkum aras mikrolinguistik (seperti kosa kata dan sintaksis) dan aras makrolinguistik (struktur teks dan unsur-unsur interpersonal dalam teks). Dimensi kedua ialah analisis amalan wacana, iaitu melihat bagaimana teks dibina dan ditafsirkan dan bagaimana teks disebarluaskan. Yang ketiga pula ialah analisis amalan sosial dengan fokusnya ialah hubungan antara wacana dengan kuasa dan ideologi. Walau bagaimanapun, kerangka analisis Fairclough berbeza daripada kerangka analisis van Dijk dari segi unsur yang memainkan peranan menghubungkan wacana dengan masyarakat. Sementara van Dijk menekankan peranan struktur kognitif, Fairclough meletakkan peranan amalan wacana yang melalui teks dihasilkan dan diterima. Persamaannya pula terletak pada pengiktirafan Fairclough akan adanya aspek sosiokognitif dalam amalan wacana walaupun fokusnya lebih pada aspek intertekstual.

Gunther Kress dan van Leeuwen merupakan perintis analisis tentang dimensi visual dalam teks bercetak. Kress ialah salah seorang pengasas Linguistik Kritis (*Critical Linguistics*) yang telah mengkaji wacana media sejak tahun 1970-an. Kedua-duanya menekankan pentingnya diberi perhatian hubungan antara aspek verbal dan visual dalam persembahan sesuatu teks. Antara yang dikaji mereka ialah aspek reka letak halaman hadapan akhbar. Mereka mengkaji bagaimana judul berita utama, blok teks dan gambar dirancang pada halaman hadapan menjadi struktur yang padu dan bermakna.

Kajian lain tentang retorik kewartawanan yang mempunyai pertalian dengan kajian ini ialah kajian Janice Scott Anderson (1981) yang merupakan disertasi doktor falsafah di University of Wisconsin-Madison, Ann Arbor, Michigan. Kajian itu menyelidik teori dan amalan retorik Walter Lippmann sebagai penulis kewartawanan dalam hal ehwal politik yang cukup berpengaruh di Amerika Syarikat pada setengah abad ke-20. Lippmann merupakan jurnalis yang berjaya menerapkan keahliannya sebagai ahli sains politik, ahli falsafah politik, ahli falsafah moral, ahli ekonomi politik dan pakar tentang dasar serta hal ehwal antarabangsa dalam tulisan-tulisannya pada sekitar tahun 1931 hingga tahun 1967.

Kajian tersebut bertujuan bagi menilai Lippmann sebagai ahli teori dan pengamal seni komunikasi retorik dalam zaman moden, iaitu komunikasi awam yang berteraskan kaedah penciptaan (*inventional technique*) dan gaya intelektual. Kedua-duanya itu menzahirkan kaedah bujukan (*persuasion*) dan hujahan (*argumentation*) (Anderson, 1981:11). Tulisan-tulisannya telah membentuk sejenis penulisan jurnalistik yang dikenal sebagai *advocacy journalism*. Perkara ini berasaskan dua premis, iaitu pertama; keperezaannya akan pentingnya suatu sistem komunikasi retorik yang berkesan dan kedua; persepsi tentang bentuk bahasa grafik sebagai alat asas dan yang paling berkesan untuk pembujukan massa (Anderson, 1981:98). Dalam hal yang kedua itu, ia mengatakan pentingnya pembujukan dalam masyarakat semasa dengan kata-kata bahawa pembujukan awam merupakan suatu seni sedar kendiri (*a self-conscious art*).

Sehubungan dengan itu, ia menekankan pentingnya teknik retorik yang khusus dan bagaimana teknik itu bersfungsi membujuk massa. Sebagai contoh, ia menyebut perihal pentingnya pembicara membina asas-asas persamaan dengan khalayak yang hendak

dibujuknya. Seni retorik, pada pandangannya, dapat membawa kebenaran kepada massa melalui proses dan teknik pembujukan. Yang perlu diingat oleh pembicara ialah bagaimana mesej dari luar diri massa dipengaruhi oleh imej yang sedia ada dalam pemikiran, persepsi dan prasangka mereka kerana semua faktor itu menjadi asas penafsiran akan mesej yang hendak disampaikan. Oleh itu, pembicara perlu memahami faktor-faktor sekitaran dan budaya yang mempengaruhi seseorang dan bagaimana caranya untuk mengatasi faktor-faktor tersebut dengan menggunakan teknik pembujukan.

Lippmann meletakkan nilai yang tinggi kepada bahasa dan bentuk bahasa yang digunakan untuk menggerakkan seseorang kepada sesuatu yang dihajati oleh pembicara. Kekuatannya yang utama ialah penggunaan kata yang berkesan sebagai sarana untuk berkomunikasi dengan masyarakat sezaman. Ia menegaskan perlunya disiplin yang tinggi dalam penggunaan kata-kata. Menurutnya:

“Melalui kata-kataalah seluruh proses komunikasi manusia yang luas berlaku, kita belajar bukan melalui pengalaman kita tetapi melalui kata-kata orang lain.”

(Lippmann, 1927:84-85)

Menurutnya lagi, kata-kata menyampaikan makna dan idea dan kata-kata menjelaskan gambaran yang terdapat di dalam minda. Kata-kata itu merupakan simbol dan sekali gus menciptakan simbol, iaitu unsur yang amat penting dalam alat komunikasi manusia. Pandangan Lippmann ini mengingatkan kita akan konsep bahasa yang dikemukakan oleh pelopor linguistik moden, iaitu Fedinand de Saussure (1993) sebagai lambang-lambang (*the signifier*) yang menzahirkan makna atau idea yang terdapat di dalam mental atau fikiran (*the signified*). Walaupun tidak jelas bahawa

Lippmann mengutip teori de Saussure itu, namun beliau menunjukkan kejelasan konsep tentang hakikat bahasa. Dalam hubungannya dengan peranan ahli retorik sebagai pembujuk khalayak awam, ditekankan olehnya bahawa simbol-simbol (kata-kata) memainkan fungsi utama dalam proses pembujukan untuk masyarakat sezaman, baik pada peringkat individu maupun pada peringkat massa (Lippmann, 1927:140-141).

Berkaitan dengan persoalan bagaimana simbol atau kata tertentu dapat mempengaruhi fikiran seseorang, Lippmann menjelaskan bahawa simbol itu dipancangkan oleh seorang manusia lain yang diiktiraf berwewenang sehingga penerimanya menjadikan mesej yang dibawa oleh simbol itu sebagai sesuatu yang tertanam dalam fikirannya. Dengan kata-kata lain, simbol menjadi penting dan memberikan kesan kerana diperkenalkan oleh orang yang penting dan berpengaruh. Lippmann mengaitkan proses penerimaan idea melalui simbol itu dengan proses rangsangan dan gerak balas. Sesuatu simbol dapat menjadi rangsangan dan jika disampaikan oleh orang yang berwewenang, maka gerak balas khalayak ialah penerimaan akan idea itu. Beliau memberikan contoh kata *Americanism* yang dapat menimbulkan pelbagai makna pada setiap orang. Ahli retorik dapat mempengaruhi fikiran khalayak tentang makna *Americanism* yang dikehendakinya.

Untuk keberkesanan penggunaan kata-kata dalam komunikasi pembujukan, Lippmann menegaskan perlunya sejenis wacana pembujukan yang disebutnya sebagai *advocacy journalism*. Genre kewartawanan jenis ini merupakan percubaan untuk menghimpunkan semua unsur bersama-sama untuk mencapai kebenaran, kebaikan dan manfaat dengan meminimumkan kesilapan (Anderson, 1981:156). Konsep yang diketengahkan itu bersandarkan gagasan matlamat kebaikan yang digagaskan oleh

Aristotle, iaitu pemikiran baik yang dapat ditanamkan dalam minda khalayak diharapkan dapat menghasilkan tindakan atau tingkah laku yang baik.

Intipati *advocacy journalism* ialah bahawa penulisan kewartawanan bukan sahaja patut menganalisis peristiwa, fenomena, pandangan dan sebagainya, bahkan patut bersifat memberikan nasihat atau semacam petunjuk, baik secara penyataan langsung maupun secara tersirat. Pada pandangan Lippmann, perlu ada percubaan secara aktif di kalangan penulis untuk mempengaruhi khalayak awam berkaitan dengan isu yang ditulisnya. Berbeza daripada genre tradisional dalam wacana retorik, Lippmann menyarankan ciri analitis, penilaian dan preskriptif dalam fokus dan pendekatan penulisan. Genre ini amat penting untuk dua kelompok khalayak, iaitu pembuat dasar dan orang awam. Sekali lagi matlamatnya adalah untuk menimbulkan kebaikan dalam masyarakat sezaman.

2.3.2 Kajian Penulisan Kewartawanan Melayu

Kajian tentang penulisan kewartawanan Melayu tidak dapat dipisahkan daripada kajian tentang sejarah perkembangan persuratkhabaran Melayu itu sendiri kerana di mananya negara di dunia, akhbar sebagai media cetaklah yang memulakan tradisi media sebaran am (Mansor Ahmad Saman, 1983:1). Kajian awal tentang pertumbuhan dan perkembangan akhbar Melayu sudah bermula pada abad ke-19 apabila E.W. Birch menulis makalah "The Vernacular Press in the Straits" dalam *Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch*. Di kalangan anak watan, usaha menelusur sejarah kewartawanan Melayu telah bermula pada tahun 1940-an. Mohd. Bin Dato' Muda (1940) telah menerbitkan *Tarikh Suratkhabar* dalam edisi Jawi. Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1941) telah menulis makalah berjudul "Malay Journalism in Malaya" dalam *Journal of the Royal Asiatic Society, Malayan Branch*. Ibrahim

Mahmud (1948) menghasilkan buku *Wartawan* dalam edisi Jawi juga. Kajian ilmiah tentang kewartawanan Melayu oleh sarjana di universiti secara jelas bermula dengan kajian William R. Roff, iaitu pensyarah sejarah di Universiti Malaya, yang berjudul *Guide to Malay Periodicals, 1876-1941: With Details of Known Holdings in Malaya* (1961) dan kemudian monograf terbitan Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya berjudul *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu* (1967). Tesis Mohd. Taib Osman, iaitu *Bahasa Renchana Pengarang Akhbar-akhbar Hingga ketahun 1942* (1958) diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1964 dan kemudian diterbitkan dalam edisi bahasa Inggerisnya dengan judul *The Language of Editorials in Malay Vernacular Newspapers up to 1942* (1966).

Selanjutnya A.M. Iskandar (1973) menghasilkan *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968* dan pada tahun 1980 Persatuan Sejarah Malaysia menerbitkan *Lembaran Akhbar Melayu*. Sejarah kewartawanan Melayu terdapat juga dalam siri mimeografi berjudul *The Print and Broadcasting Media in Malaysia* oleh Glatbach dan Anderson (1971), Coats dan Dyer (1972) dan Dyer (1974). Dokumen tentang kewartawanan Melayu dikumpulkan juga oleh Lim Huck Tee dan Sarachandran (1975) dalam *Mass Communication in Malaysia: An Annotated Bibliography*. Universiti Sains Malaysia dan UNESCO (1976) turut menjalankan kajian tentang media di Malaysia, iaitu *Communication Structure in Malaysia: An Overview for Planning*. Kajian yang lebih kemudian tetapi terbatas pada akhbar Melayu pada abad ke-19 ialah yang dihasilkan oleh Ahmat Adam (1994), iaitu *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*.

Kajian tentang akhbar Melayu di Malaysia dalam bentuk latihan ilmiah peringkat sarjana muda dan tesis peringkat sarjana serta doktor falsafah memperlihat

perkembangan yang agak pesat sejak tahun 1970-an. Salah satu sebabnya yang dapat diduga ialah perkembangan pengajian bidang komunikasi dan media di institusi pengajian tinggi setempat, misalnya di Universiti Kebangsaan Malaysia, di Universiti Malaya, di Universiti Sains Malaysia, di Universiti Teknologi MARA (dulu Institut Teknologi MARA), di Universiti Putra Malaysia (dulu Universiti Pertanian Malaysia) dan kemudian di universiti yang baharu seperti Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Malaysia Sabah. Antara yang awal dalam dekad itu termasuklah latihan ilmiah Abdul Latif Bakar (1974/75) "Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik sehingga 1948" di Universiti Malaya yang sebahagiannya mengupas isu-isu yang terdapat dalam tulisan kewartawanan Ishak Haji Muhammad yang terbit dalam akhbar *Warta Malaya*, *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman*, *Semangat Asia*, *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*.

Latihan ilmiah Zulkifli Mahmud (1979) di Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu "Warta Malaya Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-41" menganalisis isu-isu perjuangan bangsa Melayu dalam bidang sosial, ekonomi dan politik pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua.

Dalam dekad selanjutnya, terdapat latihan ilmiah Mahani Muhammad (1980/81) di Universiti Malaya, iaitu "Satu Kajian terhadap Rencana-rencana Akhbar Majlis Sepanjang Tahun 1951-1955", latihan ilmiah Norazuwa Othman (1983/84) di Universiti Malaya, iaitu "Pilihanraya Persekutuan 1982: Satu Kajian terhadap Analisis Kandungan Akhbar Utusan Melayu", latihan ilmiah Hashimah Teh (1988), di Universiti Kebangsaan Malaysia, "iaitu "Isu-isu Kemasyarakatan di dalam Rencana Pengarang Akhbar Melayu Terpenting 1930-an: Satu Kajian Intelek" dan latihan ilmiah Mashuri Zainal (1988) di Universiti Kebangsaan, iaitu "Pemogokan Pekerja Utusan Melayu

dalam Tahun 1961: Satu Kajian Kes Kebebasan Akhbar di Malaysia". Tesis sarjana Abdul Latif Bakar (terbit 1984) pula mengupas isu-isu yang dibangkitkan oleh Abdul Rahim Kajai dalam tulisan-tulisan kewartawanannya yang terbit dalam akhbar *Edaran Zaman, Saudara, Majlis, Warta Malaya, Warta Jenaka, Warta Ahad, Utusan Melayu, Utusan Zaman, Perubahan Baru dan Berita Mala*.

Dalam dekad 1990-an, terhasil latihan ilmiah Normah Doi (1991/92) di Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu "Mingguan Malaysia: Isu-isu Penting dalam Rencana Pengarang dari Tahun 1964 hingga 1975, tesis sarjana Ratnawati Jamil (1992) di Universiti Malaya, iaitu "Pendirian Akhbar Berita Harian dan The Star serta Para Wartawannya terhadap Isu Pindaan Akta Rasmi 1986", tesis sarjana sastera Zainal Mohd. Jais (1996) di Universiti Malaya, iaitu "Akhbar dan Isu Perkauman 1987: Tumpuan kepada The Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh" dan tesis doktor falsafah Abdul Latif Bakar (1996), iaitu "Utusan Melayu: Liputan Pilihanraya Persekutuan 1959 dan 1964". Tesis doktor falsafah Sanat Mohd. Nasir (1996) "Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar" di Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya menggunakan rencana pengarang *Utusan Zaman* dari tahun 1957 hingga tahun 1961 sebagai korpus kajian.

Jelas bahawa kebanyakan kajian tentang akhbar Melayu, khususnya yang merupakan kajian ilmiah untuk tujuan pengijazahan, lebih tertumpu pada kajian analisis kandungan, iaitu isu-isu yang diliputi oleh akhbar atau wartawan tertentu. Kurang kajian yang memberikan perhatian kepada aspek retorik atau gaya penulisan kewartawanan Melayu. Setakat ini, kajian yang sama ada memang bersokus pada aspek bahasa atau menyentuhnya secara ringkas amat kecil bilangannya. Yang dapat disebut ialah makalah Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1941) "Malay Journalism in Malaya", latihan

ilmiah Mohd. Taib Osman yang kemudian terbit dalam bentuk buku (1964), iaitu *The Language of the Editorials in Malay Vernacular Newspapers up to 1941*, sedikit penyataan ringkas dalam kajian Ahmat Adam (1994), iaitu *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas* dan tesis Sanat Mohd. Nasir (1996) "Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar". Dalam bentuk kertas kerja dan makalah, terdapat beberapa tulisan yang menyentuh aspek bahasa atau retorik dalam penulisan kewartawanan, misalnya kertas kerja B.H. Hoed (1978), iaitu "Ragam Bahasa Berita dan Cirinya", kertas kerja Awang Sariyan (1981, terbit 1984), iaitu "Pembinaan Wacana yang Berkesan: Suatu Keharusan dalam Pembinaan Bahasa Baku" dan makalah Mansor Ahmad Saman (1979), iaitu "Propaganda dan Pemujukan: Satu Perbincangan Ringkas". Kajian khusus tentang bahasa dalam akhbar Melayu-Indonesia sebelum kemerdekaan Indonesia dijalankan oleh Abu Bakar Hasan (2001).

Dalam situasi kekurangan kajian dan tulisan tentang aspek bahasa dan retorik dalam penulisan kewartawanan itulah kajian ini dilakukan untuk menutup satu ruang kecil dan untuk menambah pustaka dalam bidang retorik kewartawanan berbahasa Melayu. Sebagai latar dan titik tolak kajian ini, selanjutnya akan dikupas secara ringkas hasil kajian-kajian yang disebut di atas yang berkaitan dengan bidang dan judul kajian ini.

Kajian Za'ba (1941) menyentuh penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat umum, sebagaimana yang lazim ditekankan juga dalam mana-mana bahasa lain. Selain itu, Za'ba membincangkan penggunaan kata dalam akhbar yang berdasarkan kata-kata asal dalam bahasa Melayu dan juga yang diambil daripada bahasa asing. Antara masalah yang ditimbulkannya ialah kesulitan menggunakan kata yang belum ada dalam bahasa Melayu untuk perkara tertentu.

Kajian Mohd. Taib Osman (1958, 1964 dan 1966) merupakan satu-satunya kajian tentang akhbar Melayu yang berfokus pada aspek bahasa. Dengan menggunakan korpus rencana pengarang daripada 25 akhbar Melayu sejak tahun 1887 hingga 1941, Mohd. Taib berusaha menyelidik bagaimana bahasa Melayu telah dikembangkan oleh wartawan Melayu dalam periode tersebut untuk memenuhi keperluan zaman yang berubah (Mohd. Taib, 1966:ix). Analisis yang dilakukannya berfokus pada dua aspek utama, iaitu aspek kosa kata dan aspek gaya penyataan. Tentang aspek kosa kata, Mohd. Taib menganalisis penggunaan unsur-unsur bahasa Inggeris, unsur-unsur bahasa Arab dan unsur-unsur daripada bahasa peribumi dalam akhbar-akhbar yang dijadikan bahan kajian. Tentang gaya penyataan pula, dibahaginya pembicaraan menurut tahap, iaitu tahap awal, tahap kedua (1907-1930), tahap ketiga (tahun 1930-an).

Analisisnya yang lebih mendalam adalah tentang aspek penggunaan kosa kata. Untuk unsur-unsur bahasa Inggeris, ia menganalisis lima aspek khusus, iaitu pengambilan langsung kata daripada bahasa Inggeris, penggunaan kata Inggeris dalam bentuk yang lain, kata ambilan yang disesuaikan dengan tatabahasa bahasa Melayu, penjelasan kata daripada bahasa Inggeris dengan padanannya dalam bahasa Melayu dan penggunaan kata daripada bahasa Inggeris dengan tulisan Jawi. Bagi subjudul pengambilan langsung kata daripada bahasa Inggeris, ia mengkategorikan kata daripada bahasa Inggeris yang merupakan nama khas, kata dalam bidang politik, kata dalam bidang ekonomi dan perniagaan, kata dalam bidang ketenteraan dan kata sehari-hari.

Kata yang merupakan nama khas dibahaginya pula kepada nama tempat, organisasi, pangkat dan gelar dalam tentera, perniagaan, sosial, politik dan pentadbiran. Contoh nama khas yang berkaitan dengan organisasi ialah *Malaya Football Association*, *Malay Home*, *House of Lords*, *House of Parliament*, *Mohammedan Endowment Board*,

Anglo-Malay School dan sebagainya (Mohd. Taib, 1966:2). Walau bagaimanapun, ada contoh kata Inggeris yang disenaraikannya itu yang sebenarnya bukan kata nama khas, misalnya *lot, report, penal-code* dan *magistrate*. Kata-kata itu merupakan nama am.

Kata dalam bidang politik yang diambil langsung daripada bahasa Inggeris, misalnya ialah *Nationalist, Bolshevik, Fascist, Nazi, Paroletariate, anarchist, politics, power, diplomatic, neutral, republic* dan *constitutional government* (Mohd. Taib, 1966:3). Dalam bidang ekonomi dan perniagaan pula, diberikannya contoh penggunaan kata seperti *economy, bank, director, manager, contractor, stock-book, receipt, counterfoil, balance-sheet, copra* dan *synthetic rubber*. Sementara itu, penggunaan kata Inggeris dalam bidang ketenteraan ditunjukkannya dengan memberikan contoh seperti *regiment, gunboat, militia, torpedo-bomber, volunteers, batallion, bomb* dan *uniform*. Akhirnya, kata sehari-hari yang diambil langsung daripada bahasa Inggeris digambarkannya melalui contoh seperti *lawn-tennis, cricket, baseball, badminton, hockey, rugby, college, professor, geography, acid, gas, telegraph, typewriter, screw* dan sebagainya.

Di bawah subjudul penggunaan kata Inggeris dalam bentuk yang lain, ditemukannya daripada korpus tiga fenomena, iaitu kata majmuk yang menggabungkan kata Inggeris dengan kata Melayu, penggabungan kata Inggeris dengan kata Melayu untuk makna khusus dan kata Inggeris yang digunakan untuk tujuan metafora. Contoh kata majmuk gabungan kata Inggeris dengan kata Melayu yang ditemukan daripada korpus ialah *wakil diplomatic, rachun gas, programme udara, kereta electric, Inspector kereta, agent kapal* dan *ruangan editorial*. Untuk kategori kata majmuk yang disebutnya membawa makna khusus, diberikannya contoh seperti *sepatu boot, baju*

coat, Meshuarat Vienna, senapang machine, dan surat bill. Kata Inggeris yang diambil sebagai metafora pula digambarkannya dengan memberikan contoh dalam ayat seperti:

- (a) ...kuasa2 dunia yang mengaku jadi *police* dalam laut itu....
- (b) ...menambah *cement* kepada kekuatan pertahanan negeri....
- (c) ...mahkamah shari'ah atau *censor* ugama.

Di bawah subjudul “Kata-kata Pinjaman menurut Sistem Tatabahasa Bahasa Melayu”, Mohd. Taib menyimpulkan bahawa wartawan yang tulisannya dikaji menggunakan kata-kata pinjaman terbitan (kata berimbuhan) dengan kaedah yang sama bagi pengimbuhan kata-kata Melayu. Contoh yang diberikan ialah kata *dicondemn* (daripada *condemn*), *meregister*, *diregisterkan* (daripada *register*), *menyain*, *di-sign* (daripada *sign*), *perekonomian* dan *kemodaran* (daripada *modern*).

Subjudul “Pengenalan Kata Inggeris” memaparkan pengenalan kata Inggeris yang diberi maknanya dalam bahasa Melayu dalam tanda kurung. Contohnya *Anglo-Malay School* (Sekolah Melayu Inggeris), *Beauty Contest* (Peraduan Kechantekan), *deck* (lantai kapal), *certificate* (surat akuan), *petition* (surat sembah) dan *synthetic rubber* (getah tiruan). Sebaliknya, ada pula kata Melayu yang diberi padanannya dalam bahasa Inggeris dalam tanda kurung. Contohnya *bahagian* (*shares*), *kerajaan ramai* (*republic*), *jawatan kuasa* (*committee*), *chukai penghasilan* (*income tax*), *wang kutipan* (*fund*), *tujuan dan sebab undang2* (*objects and reasons*), *ahli2 yang bermain bagi pehak negeri* (*state players*) dan *uapahan* (*comission*). Di bawah subjudul “Kata Inggeris dalam Jawi” pula, Mohd. Taib menunjukkan bagaimana kata-kata pinjaman daripada bahasa Inggeris, termasuk yang diambil langsung ditulis dalam tulisan Jawi.

Kajian tentang unsur-unsur bahasa Arab pula terpecah kepada empat bahagian, iaitu kata yang disesuaikan untuk menyampaikan idea semasa, penggunaan kata dan frasa sebagai unsur stilistik, kata yang diluaskan maknanya, dan kata majmuk. Tentang aspek yang pertama, banyak kata daripada bahasa Arab yang digunakan untuk memperkenalkan idea-idea dan benda-benda baharu dalam kehidupan orang Melayu pada waktu itu. Contohnya ialah *mutalaah*, *nakil* (tulis), *kanun*, *wali*, *majlis*, *ajaib khanah* (muzium), *tauliah*, *jadual*, *risalah*, *daftar*, *siasah*, *jamhuriyah* (republik), *diayah*, *iktisad*, *sharikat*, *darjah*, *khat*, *Khatulistiwa*. Penggunaan kata dan frasa daripada bahasa Arab untuk tujuan stilistik pula tergambar pada contoh seperti *akhirul kalam* (dalam surat atau ucapan), *Muslimin khususan dan Melayu umuman* dan beberapa lagi.

Aspek ketiga, iaitu kata daripada bahasa Arab yang telah berubah makna asalnya tergambar pada kata *zahir* (yang digunakan untuk makna kata *siar*), *mashhor* (untuk kata *isytihar*), *Masehi* (untuk tahun Kristian digunakan untuk merujuk kepada orang Kristian), *Nasrani* (untuk maksud orang Kristian dihadkan untuk orang Serani atau *Eurasians*), *majusi* (untuk penyembah api telah digunakan untuk merujuk kepada orang Cina), *khutbah* (acara sembahyang Jumaat digunakan juga untuk ucapan) dan beberapa yang lain. Akhirnya, kata majmuk dibentuk dengan memanfaatkan kata daripada bahasa Arab untuk menggubal istilah atau ungkapan baharu, misalnya *juruhisab* (*accountant*), *getah tabii* (*natural rubber*), *ahli khairat* (*donors*), *sidang jemaah* (*members of a body*), *faedah am*, *muslihat am*, *berita am*, *fikiran umum*, *pandangan umum*

Dalam kajiannya tentang unsur-unsur bahasa peribumi, Mohd. Taib menganalisis bagaimana wartawan dalam periode yang dikaji memanfaatkan unsur-unsur bahasa peribumi untuk menggubal kosa kata baharu bagi memenuhi keperluan semasa. Kaedah pertama yang dapat diperhatikannya ialah peluasan makna kata, baik secara harafiah mahupun secara kiasan. Contoh peluasan makna kata secara harafiah

ialah kata *pasok*, *kumpulan* dan *perhimpunan* untuk merujuk kepada parti politik sedangkan sebelumnya kata *kumpulan* dan *perhimpunan* digunakan untuk kelab atau perjumpaan ramai. Kata *perkelahian* dan *pertengkarang* yang lazimnya merujuk kepada sengketa antara individu atau kumpulan kecil pula digunakan untuk kata yang dikaitkan dengan *peperangan*, *pertempuran* dan *perjuangan*. Contoh peluasan makna yang menunjukkan kiasan pula ialah *ruangan* dan *halaman (column in newspapers)*, *lidah (spokesman)*, *kakitangan (staff)*, *dunia perniagaan*, *alam surat khabar*, *padang pergaulan*, *perlumbaan hidup*, *perang kalam*, *perchaturan politik* dan *perkongsian hidup*.

Kaedah kedua yang dapat dikesan oleh Mohd. Taib ialah penggunaan imbuhan untuk membentuk kata nama yang berperanan sebagai agen, kata nama abstrak, kata penerang dan kata-kata baharu. Contoh kata nama agen yang terbentuk daripada proses pengimbuhan ialah *pembacha (reader)*, *penulis (correspondent)*, *penguasa (head or a department or manager of a firm)*, *pengasas (founder)*, *penganjur (organizer atau leader)*, *pemerhati (observer)*. Kaedah membentuk kata nama agen yang disifatkan oleh Mohd. Taib sebagai luar biasa ialah penggunaan akhiran *an*, misalnya *wartawan (journalist)* dan *keluaran (graduate)*. Mohd. Taib agak kurang berhati-hati pada kata *wartawan* kerana sebenarnya kata itu mengambil akhiran *wan*, iaitu sebagaimana juga yang terdapat pada kata *hartawan*, *sukarelawan*, *sasterawan* dan sebagainya.

Pembentukan kata nama abstrak melalui kaedah pengimbuhan menghasilkan kata seperti *kera`ayatan (citizenship)*, *pilehan (election)*, *pembatasan (restriction)*, *kedudukan (situation/position)* dan *pendirian (stand)*. Sementara itu, kata penerang yang terbentuk daripada pengimbuhan yang digunakan dalam akhbar-akhbar yang dikaji ialah *kebangsaan (national)*, *di-Raja (royal)*, *kepichekan (depression)*,

perseronakan/penghiboran (seperti dalam *taman perseronakan/ penghiboran* untuk *amusement park*). Kata-kata baharu lain yang terhasil daripada pengimbuhan ialah kata *keluaran* (untuk maksud *graduate* dan juga *issue*), *kelepasan (holiday)*, *chabutan (extract)* dan *pergerakan (movement)*.

Kaedah ketiga pemanfaatan unsur bahasa peribumi ialah pengkhususan makna kata-kata tertentu. Contohnya *ialah kata kawasan dan kampong yang dikhususkan untuk reserved lands (kawasan Melayu)*. Kaedah keempat ialah pembentukan kata baharu melalui proses pemajmukan. Contohnya *tetuang udara (radio broadcast)*, *periok-api (mines and explosives)*, *rumah api (lighthouse)*, *padang terbang (air-field)*, *rumah wayang (theatre)*, *utusan kerajaan (government despatch)*, *roda-kemudi (steering wheel)*, *doctor-pembelah (surgeon)* dan sebagainya.

Kaedah kelima pemanfaatan bahasa peribumi ialah penciptaan kata baru melalui terjemahan, selaras dengan keperluan wartawan pada waktu itu memperkenalkan idea atau benda baharu yang banyak bersumberkan bahasa Inggeris. Antara kosa kata baharu yang terbit daripada terjemahan daripada bahasa Inggeris termasuklah *perhimpunan bangsa (national assembly)*, *anggota penguasa (members of the executive committee)*, *amaran akhir (ultimatum)*, *pengluchutan senjata (disarmement)*, *barang-mentah (raw material)*, *ikhtiar-perang (war efforts)*, *raja patong (puppet)*, *kertas puteh (white paper)*, *Timor Jauh (Far East)* dan banyak lagi.

Analisis Mohd. Taib yang lebih menarik walaupun tidak merupakan bahagian yang panjang jika dibandingkan dengan analisis tentang kosa kata ialah gaya penyataan (*mode of expression*). Tahap pertama yang merangkum akhbar Melayu sebelum 1907 menampilkan beberapa ciri. Yang paling menonjol ialah gaya bahasa basahan. Contohnya:

- (i) ...amboi telah lenyap.
- (ii) Wah apabila hamba teringat zaman itu sangat-lah temasha rasa-nya.
- (iii) Amboi molek sunggoh Chingge sa-kali ini....

Pada pendapat pengkaji, contoh-contoh tersebut tidaklah tepat untuk menunjukkan ciri bahasa basahan dalam akhbar Melayu pada fasa itu. Jelas bahawa ayat yang digunakan gramatis dan malah berbau bahasa hikayat. Lebih tepat jika dikatakan bahawa bahasa yang digunakan lebih bersifat peribadian dan mengandung nada emotif, terutama dengan penggunaan kata seru, yang dalam penulisan kewartawanan memang tidak lazim berlaku. Kesimpulan Mohd. Taib selanjutnya lebih tepat apabila ia mengatakan bahawa wartawan pada zaman itu bukan sahaja memaparkan berita tetapi juga memasukkan fikiran peribadi dalam penyampaian berita itu (Mohd. Taib Osman, 1966:30-31). Hal ini ternyata pada penggunaan kata ganti diri seperti *kita, kami, ku, dan engkau* dalam pernyataan berita. Ciri lain gaya bahasa akhbar Melayu sebelum tahun 1907 ialah menonjolnya gaya hikayat. Contohnya, editor akhbar *Jawi Peranakan* mengibaratkannya sebagai “*laksana langlang buana*”. Banyak ayat yang dikaitkan dengan peribahasa, seperti “*Masakan dapat pelandok bersama gajah melainkan gajah juga yang boleh bersama dengan kumpulan-nya*”. Selanjutnya Mohd. Taib menemukan ciri pengaruh susunan bahasa Arab yang meluas, misalnya penggunaan penanda wacana *al-mudda'a, akhirul-kalam, kemudian daripada, suka atas hikayat ini*, dan banyak lagi. Pengaruh bahasa Inggeris dalam tahap pertama ini agak minimum dan terhad pada kosa kata.

Dalam tahap kedua (akhbar Melayu 1907-1930), terlihat gaya pernyataan berbentuk baharu yang ditandai oleh pengaruh lengkok bahasa Inggeris. Contoh ayat yang telah hilang pengaruh susunan Arabnya dan dipengaruhi oleh ayat Inggeris ialah:

- (i) Di-dalam meshuarat kerajaan *Straits Settlements* Tuan Hontenbeck ahli meshuarat bagi Pulau Pinang telah menasihatkan bahawa patutlah Negeri2 Persekutuan Tanah Melayu itu disatukan dengan *Straits Settlements*.

Yang dimaksudkannya pengaruh bahasa Inggeris ialah penggunaan beberapa klausa subordinat dan frasa dalam satu ayat.

Dalam fasa ketiga (akhbar Melayu tahun 1930-an), ciri yang menonjol ialah lenggok bahasa Inggeris dalam penulisan kewartawanannya. Antara penanda yang dikesan oleh Mohd. Taib ialah penggunaan kopula *ialah* seperti dalam ayat “*Tujuannya ia-lah bahawa....*”, “*Yang banyak bekerja di-tempat ini ia-lah keling dan Ceylon.*” dan “*Mustafa Kamal Pasha itu ia-lah ahli askar yang terbilang.*” Penanda lain yang telah ditemukan juga ialah penggunaan ayat panjang yang terdiri daripada beberapa klausa seperti contoh yang ditemukan dalam fasa kedua. Walau bagaimanapun, masih ada wartawan yang melanjutkan lenggok bahasa Arab dalam tulisan mereka.

Kajian lain yang turut menyentuh aspek bahasa persuratkhabaran Melayu, walaupun secara ringkas ialah buku Ahmat Adam (1994). Buku ini keseluruhannya lebih merupakan pemaparan sejarah persuratkhabaran Melayu dalam abad ke-19 Masihi, tetapi di sana sini turut menyentuh ciri kebahasaan yang terdapat dalam akhbar Melayu. Akhbar pertama yang berbahasa Melayu di Alam Melayu mula diterbitkan pada 5 Januari 1856, iaitu *Soerat Kabar Bahasa Melaijoe* di Surabaya. Akhbar mingguan yang terbit pada setiap hari Sabtu itu diterbitkan oleh E. Fuhri dan khalayak sasarannya ialah golongan Cina Peranakan, Arab dan Priyayi Jawa. Kemunculan akhbar pertama dalam bahasa Melayu itu memperlihatkan peningkatan kewartawanan di Alam Melayu daripada menjadi alat dakyah agama Kristian pada peringkat awalnya kepada penyebar berita dan maklumat. Sesuai dengan kandungannya yang tertumpu

pada maklumat perniagaan seperti jadual keluar masuk kapal dagang, tarikh acara lelong dan senarai harga barang di pasar Surabaya, bahasa yang digunakan ringkas dan bercorak pemaparan data. Tidak dapat dikesan unsur retorik yang khusus untuk laras kewartawanan.

Perkembangan kewartawanan dalam zaman separuh kedua abad ke-19, di Indonesia khususnya, banyak bergantung pada upaya orang Indo-Eropah dan orang Cina Peranakan disebabkan kedua-dua golongan itu menguasai ekonomi dan mempunyai tingkat pendidikan yang tinggi berbanding dengan rakyat peribumi. Kedua-dua golongan tersebut menguasai bahasa Melayu walaupun bahasa yang dikuasai itu bahasa Melayu Betawi, iaitu ragam bahasa Melayu yang dianggap sebagai bahasa Melayu rendah atau bahasa Melayu sehari-hari. Oleh itu bahasa yang digunakan dalam akhbar pada periode itu bersifat bahasa basahan.

Akhbar kedua yang berbahasa Melayu diterbitkan pada 3 April 1858 di Betawi, iaitu *Soerat Chabar Betawi*. Akhbar ini diterbitkan dalam ejaan Rumi dan Jawi dan bahasa yang digunakan pun bercorak bahasa basahan

Demikianlah akhbar berbahasa Melayu yang selanjutnya diterbitkan di Semarang pada 3 Februari 1860, iaitu akhbar mingguan *Selompret Melajoe*, akhbar *Bintang Timoer* yang terbit pada 10 Mei 1862 di Surabaya yang kesemuanya menumpukan perhatian kepada golongan pedagang menggunakan bahasa Melayu rendah, iaitu bahasa Melayu untuk komunikasi sehari-hari.

Tempoh selepas tahun 1870 menandai babak baru kewartawanan berbahasa Melayu apabila akhbar semakin banyak diterbitkan bukan sahaja di Jawa bahkan di luar Jawa, sebagai kesan perkembangan sekolah mubaligh yang menjadikan bahasa Melayu

sebagai bahasa pengantar dan juga pertambahan sekolah kerajaan yang mewajibkan pengajaran bahasa Melayu, di samping kesan perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan seperti sistem pos dan telegraf, telefon, kereta api dan kapal wap dalam tahun 1870-an dan sesudahnya (Ahmat Adam, 1994:45). Mutu bahasa Melayu yang digunakan lebih meningkat terutama sebagai kesan pengajaran bahasa secara formal di sekolah.

Perkembangan akhbar berbahasa Melayu di Indonesia merangsang pertumbuhan bidang kewartawanan di wilayah yang dihuni oleh masyarakat keturunan Melayu. Di Colombo, Sri Langka, pada 13 Jun 1869 terbit akhbar dwimingguan bercetak Jawi yang bernama *Alamat Langkapuri*. Akhbar itu dikendalikan oleh seorang yang berasal dari Madura, iaitu Baba Ounous Saldin. Sejak pertengahan abad ke-17, komuniti Melayu yang terdiri daripada orang Jawa, Sunda, Madura, Bali, Bugis, Ambon, Tidore, Minangkabau dan Melayu memang telah terbentuk di Sri Langka apabila penjajah Belanda bertapak di situ. Apabila Inggeris mengambil alih kuasa pada 1796, banyak orang Melayu dari Tanah Melayu yang dibawa ke sana untuk menambah jumlah askar Melayu Ceylon (Hussainmiya, 1987).

Dari segi bahasa, terdapat penggunaan ungkapan yang menarik seperti *serencana surat* (untuk sepucuk surat) *kereta asap* (untuk kereta api) *surat* (untuk akhbar), *gerhana cendera* (untuk gerhana bulan) dan *kereta tunggang* (untuk basikal). Gaya bahasa yang digunakan mirip menyerupai gaya bahasa Melayu akhbar *Jawi Peranakan* yang terbit di Singapura (Ahmat Adam, 1994:49). Bagaimanapun, usia akhbar tersebut hanya bertahan selama setahun setengah sahaja apabila pada 31 Disember 1870 akhbar itu terpaksa ditutup, iaitu sesudah 40 keluaran. Ounous Saldin

berusaha menerbitkannya semula pada 1 Ogos 1877 tetapi terpaksa menghentikannya pada 11 Ogos 1878.

Sementara itu, di Indonesia akhbar berbahasa Melayu terus berkembang apabila pada 20 Mac 1877 terbit *Bentara Melajoe* di Padang. Akhbar ini menggunakan bahasa Melayu tinggi (bahasa persuratan) tetapi dihentikan pada penghujung tahun tersebut. Tidak lama kemudian terbit *Wazir India* pada 26 Jun 1878. Akhbar ini menggunakan kedua-dua ragam bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu rendah dan bahasa Melayu tinggi. Tetapi setahun kemudian, akhbar itu pun ditutup kerana masalah kekurangan pembaca yang mampu membaca Jawi.

Perkembangan akhbar berbahasa Melayu di negeri di bawah jajahan Inggeris seperti Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu yang lain mula dipelopori oleh golongan India Peranakan yang dikenal sebagai Jawi Peranakan. Antaranya, Munsyi Muhammmad Said Bin Dada Muhyiddin telah memimpin beberapa orang Jawi Peranakan menerbitkan akhbar mingguan *Jawi Peranakan* yang turut diedarkan di Negeri-negeri Selat yang lain, di Perak, Kedah, Johor, Selangor, Riau, Padang, Sarawak, Jawa dan bahkan turut sampai ke Paris (Ahmat Adam, 1994:59).

Tentang aspek bahasa, akhbar tersebut amat menitikberatkan penggunaan bahasa yang bertatasusila. Sebagai contoh, akhbar itu menegur pegawai Inggeris dan sesiapa juga yang menggunakan kata sapaan seperti *hang*, *engkau*, *aku*, *lu* dan *gua* apabila bertutur dengan orang Melayu yang berstatus tinggi.

Pada 1 Ogos 1888 pula terbit akhbar *Sekola Melayu* yang pembaca sasarannya ialah murid sekolah Melayu di Singapura. Akhbar ini memberikan persaingan yang

agak kuat kepada *Jawi Peranakan* sehingga timbul krisis antara pengendali kedua-dua akhbar itu. Dua akhbar lain yang terbit setahun lebih awal daripada *Sekola Melayu*, iaitu *Peredaran Syamsu wal-kamar* dan *Nujumul Fajar* tidak menimbulkan persaingan. Dalam soal bahasa, akhbar *Sekola Melayu* menekankan pentingnya penggunaan bahasa Melayu yang murni, iaitu yang tidak dicampurbaikan dengan istilah bahasa Inggeris seperti *average*, *attendance*, *enrolment*, *pass*, *percentage*, *geography*, *visiting teacher* dan sebagainya seperti yang digunakan oleh nazir sekolah. Akhbar ini meluas edarannya sehingga sampai ke Kepulauan Riau-Lingga, Semenanjung Tanah Melayu, dan Sarawak. Bagaimanapun pada pertengahan Disember 1890, akhbar ini ditutup kerana masalah kewangan dan kemerosotan pembacanya. Akhbar *Jawi Peranakan* kekal dan menjadi akhbar yang paling berpengaruh dan luas edarannya sehinggalah akhbar itu akhirnya terpaksa ditutup juga pada bulan April 1895, sesudah hampir 20 tahun mekar sebagai obor kewartawanan Melayu.

Perkembangan akhbar Melayu di Negeri Selat didukung oleh kaum Cina Peranakan yang dikenal sebagai kaum Baba. Sebagaimana di Indonesia, akhbar Melayu yang diusahakan oleh kaum Baba menggunakan bahasa Melayu rendah atau Melayu Baba, yang di Indonesia disebut bahasa Melayu Betawi. Dalam disiplin sosiolinguistik, ragam bahasa tersebut dikenal sebagai bahasa pijin, iaitu satu bentuk bahasa yang berasaskan satu bahasa yang utuh, dalam hal ini bahasa Melayu, tetapi diwarnai secara khas oleh ciri-ciri bahasa lain, dalam kes ini bahasa Cina. Pada 2 Julai 1894 kaum Baba di Singapura menerbitkan akhbar harian *Bintang Timor* yang diterbitkan dalam tulisan Rumi. Satu hal yang menarik dalam akhbar ini ialah keprihatinan cendekiawan Baba terhadap pentingnya bahasa Melayu dan upaya mempelajarinya. Disebabkan oleh masalah kewangan, *Bintang Timor* menamatkan edisi akhirnya pada 2 Julai 1895.

Terhentinya akhbar tersebut secara langsung mengakhiri penglibatan kaum Baba dalam persuratkhabaran berbahasa Melayu di Negeri Selat.

Tesis Sanat Mohd. Nasir (1996) pula lebih merupakan kajian linguistik dalam upaya pengembangan atau penerapan teori wacana dalam bahasa Melayu dan memilih rencana pengarang akhbar *Utusan Zaman* sebagai korpus atau sumber data. Dengan perkataan lain, tesis ini bukan kajian yang dilakukan khusus untuk menghuraikan corak bahasa yang digunakan dalam penulisan kewartawanan akhbar Melayu, tetapi sebaliknya hanya menggunakan penulisan kewartawanan sebagai bahan analisis sahaja. Walau bagaimanapun, kajian itu dapat dianggap kajian ilmiah yang mendalam dan tuntas tentang penerapan teori wacana sebagai salah satu teori linguistik dalam penulisan kewartawanan berbahasa Melayu di Malaysia. Tujuan yang tampak lebih utama dan ketara dalam kajian itu ialah pengujian model wacana yang dipilihnya, iaitu Model Tautan Pindaan yang didasarkan pada analisis Beaugrande dan Dressler (1981) dan Cook (1992 dan 1994) dalam bahasa Melayu. Tiga jenis utama tautan yang dikaji ialah tautan perulangan, tautan kolokasi dan tautan penghubung ayat.

Tautan perulangan menunjukkan ciri sama ada bentuk linguistik atau makna unsur yang berulang atau kedua-duanya. Tujuh subjenis tautan yang diperhatikan dalam kajian beliau ialah tautan perulangan rujukan, tautan perulangan penggantian, tautan perulangan elipsis, tautan perulangan leksikal, tautan perulangan parafrasa, tautan perulangan paralelisme, tautan perulangan struktur dan makna sama. Tautan kolokasi pula tidak ditandai oleh perulangan bentuk atau makna, sebaliknya merujuk kepada konteks keberadaan sesuatu unsur linguistik dengan yang lain antara dua unit teks. Empat subjenisnya ialah tautan kolokasi antoniman, tautan kolokasi kohiponiman, tautan kolokasi hasil dan tautan kolokasi sifat. Yang akhir, iaitu tautan penghubung ayat

ialah unsur yang menghubungkan unsur linguistik, iaitu unit sebelum dengan unit sesudahnya. Lima subjenisnya ialah tautan penghubung ayat tambahan, tautan penghubung ayat tentangan, tautan penghubung ayat sebab musabab, tautan penghubung ayat waktu dan tautan penghubung ayat terusan.

Dapatan kajian tentang tautan perulangan dalam rencana pengarang *Utusan Zaman* 1957-1961 menunjukkan bahawa hanya enam subjenis tautan perulangan yang digunakan, iaitu tautan perulangan rujukan, tautan perulangan penggantian, tautan perulangan elipsis, tautan perulangan leksikal, tautan perulangan parafrasa tautan perulangan struktur dan makna sama. Yang tidak ditemukan ialah tautan perulangan paralelisme. Tautan perulangan yang paling tinggi kekerapannya ialah tautan perulangan leksikal (70.59%) dan yang terendah ialah tautan perulangan penggantian (0.17%). Tentang tautan kolokasi pula, yang tertinggi kekerapan penggunaannya dalam rencana pengarang yang dikaji ialah tautan kolokasi kohiponiman (66.19%) dan yang terendah ialah tautan kolokasi hasil (0.98%). Akhirnya, dalam hal tautan penghubung ayat, subjenis tautan penghubung ayat tambahan merupakan yang tertinggi kekerapannya (42.15%) dan yang terendah ialah tautan penghubung ayat tautan penghubung ayat terusan (0.83%).

Sebagaimana yang disebut, kajian Sanat Mohd. Nasir itu lebih berorientasikan penerapan teori linguistik daripada berfokus pada gaya penulisan dalam kewartawanan Melayu. Oleh itu, tidak terdapat analisis dan rumusan yang menunjukkan pola atau corak gaya penulisan kewartawanan Melayu, selain analisis deskriptif tentang kekerapan penggunaan unsur-unsur tautan yang dikaji dalam korpus yang kebetulan ialah rencana pengarang akhbar.

Kajian yang mutakhir setakat tinjauan persuratan kajian ini dilakukan ialah monograf Abu Bakar Hasan (2001) yang berjudul “Bahasa Melayu-Indonesia dalam Pers Masa Sebelum Kemerdekaan (1860-1945). Walaupun sumber korpus yang digunakan ialah akhbar berbahasa Indonesia, kajian itu tetap relevan dengan memperhitungkan bahawa bahasa Indonesia merupakan variasi bahasa Melayu dalam konteks yang supranasional sifatnya. Kajian Abu Bakar tertumpu pada akhbar berbahasa Melayu di Indonesia dalam tiga periode, iaitu periode 1860-an-1900, periode 1900-1942 dan periode 1942-1945. Ciri utama bahasa akhbar dalam periode pertama, menurut hasil kajian Abu Bakar ialah penggunaan bahasa sehari-hari, khususnya bahasa yang digunakan oleh kaum peranakan Cina. Fenomena ini berkaitan erat dengan kenyataan bahawa baik pengusaha akhbar mahupun pembacanya terdiri daripada keturunan Cina peranakan.

Kesimpulan kajian itu sejajar dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Ahmat Adam (1994), seperti yang telah disebut sebelum ini, yang menggunakan istilah *bahasa rendah* untuk merujuk kepada bahasa sehari-hari itu. Dalam periode kedua, corak bahasa akhbar berbahasa Melayu di Indonesia masih mengekalkan bahasa sehari-hari, tetapi ditambah dengan satu ragam lain, iaitu bahasa Melayu yang diwarnai oleh bahasa-bahasa setempat atau bahasa daerah. Selain itu, pengaruh pendidikan Belanda yang diterima oleh sesetengah pengendali akhbar menyebabkan adanya percubaan menggunakan kata-kata yang diambil daripada bahasa Belanda. Dalam periode ketiga, iaitu zaman pendudukan Jepun, terdapat perkembangan yang positif dalam hal penggunaan bahasa Melayu oleh sebab pemerintah Jepun melarang penggunaan bahasa Belanda dalam pelbagai bidang kehidupan, termasuk dalam media. Bahasa Jepun yang dicita-citakan menjadi bahasa perhubungan umum pula tidak dikuasai oleh masyarakat setempat hingga bahasa Melayulah yang memperoleh kesempatan berkembang dalam

media. Oleh itu, timbul keperluan memperkaya kosa kata dalam bahasa Melayu untuk keperluan menyampaikan maklumat kepada masyarakat melalui akhbar.

Bagi setiap periode itu, Abu Bakar meninjau empat aspek penggunaan bahasa dalam akhbar berbahasa Melayu di Indonesia, iaitu aspek ejaan, morfologi, ayat dan kosa kata. Dalam periode pertama (1860–1900), ejaan Rumi yang digunakan beragam-ragam disebabkan belum adanya perumusan sistem ejaan Rumi untuk bahasa Melayu di Indonesia. Sistem ejaan Rumi bahasa Melayu di Indonesia baru terbit pada tahun 1901 apabila Van Ophuijsen menyusun dan menerbitkan *Kitab Loghat Melajoe*. Tiga akhbar yang dijadikan sumber data kajiannya, iaitu *Bintang Timoer*, *Tjahaja India* dan *Bintang Betawi* memperlihatkan ejaan yang berlainan untuk kata-kata yang sama. Contohnya, kata atau, adik, boleh, budak, di, dari, kerbau, keluar, kalau, dan lihat dieja sebagai atawa, adieq, boleeh, bodeaq, die, darie, kerboo, kloewar, kaloo, liat (oleh akhbar *Bintang Timoer*); ataw, adiq, bolieh, boedaaq, die, darie, kerbo, kaloewar, kalo, lijat (oleh akhbar *Tjahaja India*); ataoe, adiek, bolih, boedaq, di, dari, kerbaoe, keloewar, kalaoe, lihat (oleh akhbar *Bintang Betawi*).

Dalam aspek morfologi, salah satu dapatan kajian Abu Bakar menunjukkan bahawa akhbar dalam periode pertama agak banyak menggunakan kata asal, sekalipun kata itu sepatutnya berimbuhan. Hal ini dapat dikaitkan dengan kenyataan yang telah disebut lebih awal, iaitu bahawa pengendali akhbar dalam periode itu terdiri daripada orang Cina peranakan yang menggunakan bahasa sehari-hari atau bahasa basahan dalam akhbar terbitan mereka. Tentang kata terbitan pula, terdapat kecenderungan menggunakan kata berawalan *beR-* jika dibandingkan dengan kata berawalan *meN-*. Contohnya ialah *berdjoewal*, *berboewat*, *berboeroe* lebih popular daripada *mendjoewal*, *memboewat*, *memboeroe*. Di samping itu, terdapat pula penggunaan kata berawalan

beR- yang janggal jika ditinjau daripada perspektif zaman ini. Contohnya ialah *berdatang*, *berdoedoek*, *berhinggap*, *beramok*. Tentang kata majmuk pula, didapati akhbar pada periode itu kurang sekali menggunakan kata majmuk. Hal ini dapat diduga kerana corak bahasa sehari-hari yang mudah memang tidak begitu ditandai oleh kata majmuk yang lazimnya mengungkapkan konsep atau hal yang canggih, abstrak atau luas serta berlapis maknanya.

Dalam aspek ayat, banyak ayat yang sukar dikesan batas pemisahannya dengan ayat lain, disebabkan oleh tiadanya tanda yang jelas sedang ayatnya panjang, iaitu terdiri daripada beberapa klausa. Salah satu contoh daripada kajian Abu Bakar (2001) ialah:

“Passar Malem soeda brenti, dengan segala bai, trada kedjadian satoe onar, sebab policie poenja oeroesan bagoes; dimana djembatan-djembatan policie trada kasi orang djoewalan dan koeliling pasar patrol soldadoe-policie berdjalan poeter, maka orang njang datang blandja berdjalan laloeasa didalam pasar trada seperti taoen njang soeda-soeda mendesak satoe pada anjang laen.”

Dalam aspek kosa kata, akhbar dalam periode itu ditandai oleh penggunaan kata yang menggambarkan pengaruh bahasa Cina peranakan yang dikenal sebagai bahasa Melayu-Cina. Selain itu, ada juga kosa kata bahasa daerah, seperti bahasa Jawa, bahasa Menado, bahasa Ambon dan ada juga kosa kata daripada bahasa Belanda.

Periode kedua (1900–1942) memperlihatkan perkembangan yang signifikan dalam persuratkhabaran Melayu di Indonesia kerana dalam tempoh itu, timbul semangat kebangsaan yang tinggi dan meluas. Kemuncak pendaulatan bahasa Melayu terjadi apabila seluruh pertubuhan pemuda Indonesia mengikrarkan Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928, dengan tunjangnya ialah “Bertanah air yang satu, iaitu Indonesia; berbangsa yang satu, iaitu bangsa Indonesia; dan berbahasa yang satu, iaitu bahasa Indonesia”. Dalam hal ejaan, sudah kelihatan tanda pembakuan ejaan Rumi, sesudah

disusun sistem ejaan oleh Van Ophuijsen pada tahun 1901. Walau bagaimanapun, ejaan yang digunakan oleh pengendali akhbar tetap bervariasi, misalnya untuk kata *pertanyaan* ada ejaan *pertanja'an* dan *pertanjaan*; untuk kata *rakyat* ada ejaan *ra'jat* dan *rakjat*, untuk kata *khabar* ada ejaan *chabar* dan *kabar*.

Dalam aspek morfologi, berlaku perubahan tentang beberapa hal jika dibandingkan dengan penggunaan morfologi dalam akhbar periode sebelumnya. Jika dalam periode sebelumnya lebih banyak kata dasar yang digunakan, dalam periode kedua sudah berkurangan penggunaan kata dasar yang sepatautnya berimbuhan. Tentang penggunaan awalan *beR-* pula, penggunaannya sudah lebih teratur dan meluas, termasuk pada kata yang berasal daripada bahasa asing, terutama Belanda dan Arab. Sudah muncul penggunaan kata seperti *bercultuur*, *bercombinatie*, *bersimbiose* (daripada bahasa Belanda) dan *bertaqlid*, *bertaqwa*, *bertaqbir*, *bersalawat*, *berkhottbah*, *berzakat*, *berqurban*, *bersadaqah* (daripada bahasa Arab). Tentang imbuhan *meN-*, penggunaannya sudah lebih meluas, terutama pada kata dasar yang dalam periode sebelumnya tidak diberi imbuhan itu, misalnya *serang*, *djawab*, *sepak* telah dilengkapkan binaan morfologisnya menjadi *menjerang*, *mendjawab*, *menjepak*. Demikian juga peluasan penggunaannya ternyata pada kata yang berasal daripada bahasa Belanda dan bahasa Arab, misalnya *memvonis*, *memproduksi*, *memproses*, *mengeksport* (daripada bahasa Belanda) dan *mendjama'*, *mengkadha*, *mentassir* (daripada bahasa Arab). Penggunaan kata ganda dan kata majmuk pula bertambah, sesuai dengan keperluan mengungkapkan maklumat yang kian rencam. Tentang kata ganda, bentuk baharu yang agak menonjol ialah penggandaaan kata nama abstrak yang sebelum ini lebih banyak diterapkan pada kata nama konkrit. Contohnya ialah *peroebahan2*, *tindasan2*, *perlawanann2*, *tjaljian2* dan *poedjian2*. Tentang kata majmuk

pula, bertambah bentuk baharu yang timbul daripada kreativiti wartawan, misalnya *oendjoek koeasa, peras oewang, bermain tjoerang* dan *mendjoeal djandji*.

Tentang ayat pula, kebiasaan penggunaan ayat yang panjang berlapis-lapis klausanya masih meluas dalam akhbar periode kedua. Perubahan mula tampak berlaku dalam tempoh 1910–1920 apabila ayat yang digunakan lebih singkat dan menjadi lebih jelas maknanya, sesuai dengan ciri laras bahasa berita. Kejelasan ayat lebih ketara dalam tahun 1920–1930, terutama dengan masuknya orang yang terpelajar, termasuk pemuka masyarakat seperti Tjokroaminoto, Agus Salim dan Hatta serta Soekarno sendiri yang dengan penuh sedar menggunakan media untuk membangun pemikiran dan sikap bangsa, tentu melalui bahasa yang persis. Tentang kosa kata, akhbar dalam periode kedua memperlihatkan hasil upaya pengayaan kosa kata yang mewakili keperluan sezaman, terutama melalui penerjemahan kata daripada bahasa asing, khususnya bahasa Belanda. Misalnya muncul kata *soerat harian, soerat berkala, rasmi, achbar, sedjawat / rekan, atjara, tjendekicawan dan ketertiban, wartwan* (daripada *dagblad, weekblad, officieel, collega, onderwerg, intellectueel, moraal dan pers*).

Akhirnya, dalam periode ketiga (1942–1945), iaitu zaman pendudukan Jepun, meningkat penggunaan bahasa Melayu kerana pemerintah Jepun melarang keras penggunaan bahasa Belanda sehingga bahasa Melayu memperoleh kesempatan digunakan secara meluas. Komisi Bahasa telah ditubuhkan oleh pemerintah Jepun dan hal ini memungkinkan upaya pembakuan bahasa berlangsung. Pengembangan bahasa (yang diistilahkan di Indonesia sebagai “penyuluhan bahasa”) dengan terancang dilakukan, termasuk melalui akhbar. Dalam hal ejaan, akhbar periode ini bersandarkan sistem ejaan Van Ophuijsen, dengan variasi dalam aspek tertentu, misalnya kata ganda yang sama ada dieja dengan pengulangan atau penggunaan angka dua. Dalam bidang

morfologi, tidak banyak perubahan yang berlaku jika dibandingkan dengan yang berlaku dalam periode ketiga. Demikian juga halnya tentang penggunaan ayat; tetapi dari segi isinya sarat dengan propaganda Jepun. Dalam hal kosa kata, pengayaan yang dilakukan tampak jelas, selaras dengan peningkatan peranan bahasa Melayu sebagai ganti bahasa Belanda seperti yang dianjurkan oleh pemerintah Jepun. Di samping kata yang diterjemahkan daripada bahasa Belanda, banyak pula kata ambilan daripada bahasa Jepun.

2.4 Kesimpulan

Bab ini telah mengemukakan lakaran latar belakang yang berkaitan dengan bidang yang dikaji, iaitu retorik kewartawanan. Aspek pertama yang dibincangkan ialah sejarah awal kewartawanan yang dipercayai bermula kira-kira 10,000 tahun lalu di Timur Tengah dan di Asia, dan secara sistematik diasaskan di Empayar Roman kira-kira 60 tahun sebelum Masihi. Sejarah perkembangan kewartawanan turut meliputi negara China, Amerika dan Eropah dengan huraian ringkas tentang unsur-unsur yang mempengaruhi perkembangannya seperti politik, penjajahan, ekonomi dan teknologi.

Aspek kedua yang dibincangkan ialah perkembangan kajian retorik kewartawanan. Kajian retorik telah lama bermula, iaitu kira-kira lima abad sebelum Masihi, tetapi lebih menjurus pada retorik pidato dan kemudian stilistik. Retorik kewartawanan secara ilmiah baru dikaji pada tahun 1980-an, iaitu sebagai penerapan analisis wacana kritis (*Critical Discourse Analysis* atau CDA). Kerangka analisis CDA itu menjadi asas analisis media dalam dekad 1980-an dan 1990-an di Eropah. Antara sarjana yang aktif dalam penganalisan akhbar sebagai korpus analisis termasuklah van Dijk, Allan Bell, Norman Fairclough, van Leeuwen dan Gunther Kress.

Selanjutnya, perbincangan telah ditumpukan pada kajian penulisan kewartawanan Melayu yang meliputi kewartawanan di Malaysia dan juga di Indonesia sebagai dua entiti politik yang mewakili Alam Melayu. Dalam hal ini, Singapura dari segi sejarahnya terangkum dalam kewartawanan Malaysia kerana sebelum keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965, wilayah itu merupakan sebahagian daripada sejarah Tanah Melayu walaupun dari segi pentadbirannya merupakan naungan Inggeris.

Tinjauan persuratan tentang kajian retorik kewartawanan Melayu bermula pada abad 19, iaitu waktu awal bibit kajian bermula. Antara yang telah mengkaji kewartawanan Melayu termasuklah E.W. Birch, Mohd. Bin Dato' Muda, Za'ba, William R. Roff, Mohd Taib Osman, A.M. Iskandar, Lim Huck Tee, Sarachandran, Ahmat Adam, Abdul Latiff Bakar, Sanat Mohd. Nasir dan Abu Bakar Hassan.

Antara kajian tersebut, yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini ialah kajian Mohd. Taib Osman, kajian Sanat Mohd. Nasir dan kajian Abu Bakar Hassan. Kebanyakan yang lain mengkaji akhbar dari segi kandungannya, seperti isu politik dan sosial.